

PENGURUSAN MASJID DALAM DAKWAH TERHADAP NON-MUSLIM: KAJIAN DI MASJID CINA MELAKA

Mohd Luqman bin Yusof

Calon Sarjana Syariah dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Dr. Fakhri bin Sungit

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Email: fakhri@kuis.edu.my

Abstrak

Masjid Cina Melaka merupakan masjid pertama di Melaka yang dibina bercirikan seni bina Cina. Terletak di Krubong dan dikategorikan sebagai masjid pelancongan oleh kerajaan negeri Melaka. Berkonsepkan seni bina Cina menjadikan masjid ini berpotensi dalam menyampaikan dakwah terhadap non-muslim di Melaka. Kajian ini bertujuan mengkaji pengurusan dakwah Masjid Cina Melaka terhadap masyarakat muslim dan masyarakat non-muslim. Selain dari itu kajian ini bertujuan mengenal pasti cabaran pihak pengurusan dalam penyampaian dakwah terhadap non-muslim. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual serta analisis dokumen dan data kajian dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati masjid ini amat berperanan serta mempunyai potensi yang sangat besar dalam dakwah terhadap masyarakat non-muslim dan tidak terhenti sekadar pusat ibadah semata. Selain daripada itu, masjid ini perlu mempunyai strategi yang baik bagi mengatasi cabaran dalam dakwah terhadap non-muslim.

Kata Kunci: *Masjid, dakwah, pengurusan, Cina dan non-muslim*

1. Pendahuluan

Masjid telah menjadi pusat dakwah sejak zaman Rasulullah dan turut menjadi sebagai pusat pemerintahan Islam yang pertama. Menerusi masjid dakwah terlaksana dan penyampaian mengenai Islam tersebar kepada semua golongan manusia. Dakwah bukan hanya untuk orang muslim semata tetapi untuk semua manusia tidak kira bangsa. Perkembangan Masjid sejajar dengan perkembangan Islam. Di mana ada Islam maka Di situ bertapaknya masjid. Islam dan dakwah berjaya muncul sebagai satu simbiosis yang sukar dipisahkan antara satu sama lain (Badli Hisham 2012). Dakwah merupakan proses upaya mengubah sesuatu situasi kepada situasi lain yang lebih baik dan selari dengan ajaran Islam atau mengajak manusia kejalan Allah iaitu Islam . Menerusi dakwah pengenalan dan pengetahuan berkenaan islam dapat diperluaskan kepada masyarakat tidak kira bangsa dan agama. Salah satu metode seruan dakwah adalah melalui masjid. Antara aktiviti dakwah yang dijalankan di masjid adalah khutbah jumaat, penyampaian dakwah masyarakat, penerangan penghayatan masjid, memberi petunjuk kepada masyarakat supaya menjalani kehidupan dan melaksanakan ekonomi berpandukan ajaran Alquran dan Assunnah.

2. Latar Belakang Masjid Cina Melaka

Umumnya seni bina masjid di Melaka mempunyai pengaruh senibina cina yang kuat. Kebanyakan bimbang dan kubah masjid di Melaka berbentuk meru dan bertingkat seperti binaan di Cina. Dalam pada masa yang sama, binaan masjid di Melaka masih mengekalkan binaan tradisional melayu dari segi ukiran, mimbar tiang dan sebagainya. Berlainan pula dengan Masjid Cina Melaka, binaan dan reka bentuk terus berinspirasikan dari binaan dan seni bina masjid di Cina. Masjid Cina Melaka merupakan masjid ketiga yang bercirikan senibina cina di Malaysia. Masjid ini dibina di atas tanah seluas 2.8 hektar yang terletak

berhampiran dengan Stadium Hang Jebat. Kos pembinaan sebanyak RM 7.5 juta hasil sumbangan kerajaan yang diluluskan oleh bekas timbalan perdana Menteri Malaysia Tansri muhyiddin bin yasin dan dana dari orang ramai. Tujuan asal pembinaan sebagai pusat aktiviti dan perkampungan mualaf di Melaka. Dengan pembinaan masjid Cina Melaka ini dapat memberikan ruang kepada masyarakat cina muslim menjalankan aktiviti keagamaan, dakwah dan sebagainya. Seni bina yang bercirikan senibina masjid dari Cina seperti Beijing Xian dan Shanghai menjadi tarikan kepada pelancong dan menjadikan masjid ini berpotensi dalam penyampaian dakwah kepada Muslim dan Non Muslim. masjid ini telah diwartakan sebagai salah satu tarikan pelancongan oleh Dato seri Mohd. Ali Rustam.

Pembinaan Masjid Cina Melaka telah dirancang semenjak tahun 2007, oleh Persatuan Teonghwa Islam Malaysia dan telah diusulkan kepada pihak Kerajaan Negeri Melaka dan diluluskan pada pertengahan tahun 2009. Majlis perasmian pecah tanah telah diadakan pada 20 Julai 2012 dan dirasmikan oleh Dato Seri Mohd Ali Rustam Ketua Menteri Negeri Melaka. Pembinaan masjid ini berjalan selama 18 bulan dan siap pada Jun 2014. Masjid Cina Melaka telah siap beroperasi dan dirasmikan pada 29 Syaaban 1435 bersamaan 27 Jun 2014. Solat jumaat pertama telah diadakan pada 6 Ramadan 1435 bersamaan 4 Julai 2014.

3. Pengurusan Masjid Cina Melaka

Mengikut perlembagaan persekutuan Malaysia, pengurusan masjid adalah di bawah bidang kuasa negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Segala urusan yang berkaitan dengan masjid telah diletakkan di bawah akta atau enakmen kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di setiap negeri yang diketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang di-Pertua Negeri. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan pula diketuai oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang merupakan Yang di-Pertua kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Shahidah shaharuddin & Wan Anisah Endut 2015).

Di Melaka, Majlis Agama Islam Melaka merupakan badan yang menguruskan masjid-masjid seluruh Melaka termasuk Masjid Kariah Negeri Melaka. Terdapat dua jenis masjid di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Melaka, yang pertama Masjid Kerajaan dan yang kedua Masjid Kariah. Masjid kerajaan diurus tadbir sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Melaka. Pelantikan pengurusan dan ahli jawatan kuasa dilantik oleh MAIM dan segala dana dan pengurusan masjid di bawah seliaan pegawai yang dilantik oleh pihak Majlis Agama Islam Melaka sendiri. Berlainan dengan Masjid Kariah, Pengurusan dan ahli jawatankuasa dilantik melalui Mesyuarat Agong Tahunan dan sebahagian dana diperolehi dari pihak Majlis Agama Islam Melaka dan selebihnya dikumpul dan dikutip dari derma penduduk setempat.

Masjid Cina Melaka merupakan masjid yang bertaraf Masjid Kerajaan. Dari Pengerusi sehingga ahli jawatankuasa dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka sendiri. Terdapat dua organisasi didalam pengurusan Masjid Cina Melaka, yang pertama bahagian Ahli Jawatankuasa Masjid dan yang kedua bahagian Pengurusan Pegawai Syarak. Tidak ada isu berbangkit dalam perlantikan ahli jawatankuasa dan pegawai pegawai syarak, kerana setiap lantikan terus dari Majlis Agama Islam Melaka di bawah pengurusan Bahagian Pengurusan Masjid Melaka. Berikut merupakan carta organisasi ahli jawatankuasa dan pengurusan pegawai syarak bagi Masjid Cina Melaka:

Pengurusan Masjid Cina Melaka ditadbir oleh empat kakitangan seperti masjid-masjid Kerajaan Melaka yang lain. Jawatankuasa pentadbiran terdiri dari beberapa pegawai seperti

Imam (1 dan 2) dan Bilal (1 dan 2) setiap mereka mempunyai tugas masing-masing. Pihak masjid turut melantik Imam dan Bilal rawatib bagi memudahkan urusan dan tugas sewaktu ketiadaan pihak pengurusan terutama selepas waktu pejabat.

4. Pengertian Dakwah

Sebaran Islam melalui jalan dakwah merupakan salah satu tunjang utama dalam memperluaskan Agama Islam di atas muka bumi ini. Dakwah merupakan sebuah gerakan yang menghidupkan sistem ketuhanan yang diturunkan melalui wahyu Rasulullah dan disampaikan kepada umat seluruh dunia (Abdul Rahman Jirah 2008). Dakwah juga merupakan gerakan yang menyambut seruan Nabi Muhammad pada khutbah perpisahan yang menyuruh semua yang hadir menyampaikan kepada yang tidak hadir (Sahih Bukhari no: 1625)

Selain dari itu dakwah juga bermaksud satu gerakan atau usaha yang menyeru membimbing serta meyakinkan dalam usaha mengajak kepada kebaikan dan mengajak manusia mengamalkan ajaran agama yang benar(agama Islam)Kamus Dewan. Dengan kata lain dakwah merupakan satu gerakan yang mengajak manusia kearah ketuhanan dan kebaikan dengan cara yang baik dan boleh diterima.

Menurut Dr Abdul Rahman Jirah, mad'u atau penerima dakwah terbahagi kepada dua golongan iaitu mad'u Ijabah dan mad'u Dakwah. Mad'u Ijabah ialah golongan Muslim dan mad'u Dakwah merupakan golongan yang bukan Islam yang memerlukan sentuhan dakwah atau sentuhan da'i. Golongan yang kedua ini biasa diistilahkan sebagai Non-Muslim. Non muslim.

Terdapat pelbagai makna atau takrif yang telah diberikan oleh para ulama berkeajaan perkataan Non-Muslim. menurut Dr Abdul Karim Zaidan golongan bukan Islam terbahagi kepada tiga golongan utama:

- i. Golongan atasan, yang biasanya lebih banyak menentang dakwah dan sukar untuk diajak kepada Islam kerana ingin mempertahankan kedudukan mereka.
- ii. Golongan orang awam, yang biasanya lebih senang menerima dakwah kerana mereka tiada apa-apa kepentingan untuk menolak Islam.
- iii. Golongan munafik, yang sering melakukan kerosakan dalaman masyarakat Islam. Mereka juga susah untuk menerima dakwah kerana terikat dengan kepentingan mereka.

Selain itu, Non-Muslim atau orang bukan Islam menurut Ab.Aziz Mohd Zin (2001), terdiri daripada pelbagai kelompok dan kepercayaan, iaitu:

- i. Golongan pemuja patung berhala (golongan musyrik). Golongan ini kebanyakannya terdiri daripada kalangan penganut agama Hindu dan Buddha. Dalam kalangan golongan ini juga terdapat kelompok yang menganut kepercayaan animism iaitu mempercayai wujudnya roh semangat dan kuasa disebalik pokok, binatang dan sebagainya.
- ii. Golongan yang beragama Kristian dan Yahudi.

iii. Agama Kristian dan Yahudi dikategorikan dalam kelompok Agama Samawi (Agama Langit), yang mana kedua-dua agama ini pada asalnya adalah daripada ajaran Nabi Isa a.s dan Nabi Musa a.s yang berpandukan kepada kitab Injil dan kitab Taurat, namun kemudiannya telah diselewengkan oleh para pengikutnya. Istilah asalnya, golongan ini disebut dalam al-Quran sebagai Ahli Kitab

iv. Golongan Ateisme

Golongan ini terdiri daripada kelompok yang berfahaman bebas dari ikatan agama yang ada (free thinker). Istilah asalnya, disebut sebagai golongan mulhid.

v. Golongan Munafik

Munafik iaitu golongan yang berpura-pura dan menyembunyikan isi hatinya yang sebenar. orang munafik ialah orang yang lemah peribadi, orang yang teragak-agak dan orang yang tidak boleh menentukan sikap yang jelas tentang keimanannya. Muhammad Jamil Ghazi pula menyatakan golongan munafik sebagai golongan yang semasa bersama orang mukmin mereka melahirkan keimanan, manakala ketika bersama dengan orang kafir mereka melahirkan kekufuran, perbuatan ini adalah berdasarkan kepentingan dirinya.

5. Aktiviti Dakwah Di Masjid Cina Melaka

Dakwah boleh disampaikan melalui pelbagai cara dan aktiviti. Setiap institusi yang berpaksikan dakwah mempunyai pelbagai perancangan dalam melaksanakan penyampaian dakwah terhadap umat tidak kira bangsa. Setiap aktiviti dirancang dengan teliti dan perncangan dibuat secara tahunan bulanan dan mingguan. Kativiti dakwah di Masjid Cina Melaka boleh di bahagikan kepada dua bahagian yang pertama yang melibatkan masyarakat tempatan yang beragama Islam dan yang kedua yang turut melibatkan masyarakat non-muslim.

Di antara aktiviti serta program yang dilaksanakan ialah:

Kelas Agama Harian

Beberapa kelas agama telah dijalankan oleh pihak Masjid Cina Melaka. Kelas-kelas agama ini bertujuan memperkasakan serta memperkuat pegangan akidah dan menambahkan lagi pengetahuan masyarakat terhadap Islam. Selain dari itu ia bertujuan membina sahsiah dan keperibadian yang baik bagi muslim yang sejati. Kelas agama yang dijalankan seperti kelas fardhu ain, kelas tahsin Al-quran kelas takmir dan kelas khas bagi golongan saudara baru.

Kelas fardhu ain adalah yang bertujuan mengajar masyarakat perkara asas yang utama perlu diketahui oleh setiap muslim. Kelas ini lebih tertumpu kepada pembelajaran serta pendidikan asas-asas agama. Bertujuan memperkukuhkan kefahaman asas masyarakat terhadap Islam dan menambahkan ilmu tentang hukum hakam agama Islam. Jemaah terdiri daripada golongan dewasa dan warga tua. Kelas fardhu ain diadakan pada hari Selasa pada setiap minggu. Tenaga pengajar bagi kelas Fardhu Ain ini ialah Ustaz Mohd Khabir bin Badul Karim, Imam satu Masjid Cina Melaka.

Selain dari kelas Fardhu Ain, Masjid Cina Melaka turut mengadakan kelas Tahsin Al-quran untuk masyarakat setempat yang ingin mempelajari Al-Quran serta hukum-hukum bacaan Al-Quran. Antara objektif kelas Tahsin Al-Quran ini adalah memperbaiki bacaan Al-Quran jemaah dan membasmi golongan buta Al-Quran dikalangan masyarakat. Kelas Tahsin

Al-Quran ini diadakan pada setiap hari Isnin selepas waktu maghrib selama satu jam. Tenaga pengajar kelas ini ialah Ustaz Murad bin Ahmat iaitu Imam Dua Masjid Cina Melaka sendiri.

Manakala Kelas Takmir turut diadakan di Masjid Cina Melaka. Tenaga pengajar kelas ini dihantar oleh Jabatan Mufti Melaka dan turut mempunyai tauliah mengajar yang sah. Antara kelas yang diajar ialah kelas pengajian hadis dan pengajian tafsir.

Ceramah Hari Kebesaran Islam

Ceramah atau kuliah sempena hari-hari kebesaran Islam juga merupakan salah satu aktiviti yang diadakan di Masjid Cina Melaka. Penceramah terdiri dari penceramah-penceramah yang bertauliah dan mendapat keizinan dari pihak Jabatan Mufti Melaka sendiri. Program ceramah sempena hari kebesaran Islam ini bertujuan untuk memperingati tarikh-tarikh penting dalam Islam agar masyarakat tidak akan melupakan sejarah serta sirah disebalik sambutan hari kebesaran tersebut. Selain dari itu, program ini memberikan ingatan kepada masyarakat Islam agar mengetahui asal usul dan sirah perkembangan Islam.

Dakwah Bil Hal

Berdasarkan analisa dokumen yang diberikan oleh pihak masjid, Masjid Cina Melaka turut menggunakan kaedah dakwah bil hal iaitu kaedah yang menunjukkan cara atau perilaku atau tindakan yang baik dan mencerminkan Islam itu sendiri. Terdapat pelbagai aktiviti dakwah Masjid Cina Melaka yang mengaplikasikan kaedah dakwah bil hal ini. Antaranya ialah:

Sambutan Perayaan Aidil Fitri

Setiap tahun pihak masjid Cina Melaka mengadakan sambutan Hari Raya Aidil Fitri. Sambutan ini biasa dibuat hari ke 7 selepas hari raya pertama. Pihak masjid telah menjemput semua masyarakat yang berada di sekitar. Aktiviti ini turut melibatkan saudara muslim dan ahli keluarga mereka. Penglibatan non muslim dalam perayaan ini bertujuan memberi pendedahan keterbukaan Islam dalam pergaulan dan Islam buka agama yang memutuskan hubungan kekeluargaan samada ibu bapa adik beradik dan sebagainya. Sambutan ini biasa dilakukan di perkarangan masjid bagi mengelakkan non muslim enggan masuk ke dalam masjid.

Sambutan Tahun Baru Cina

Selain dari sambutan hari raya Aidil Fitri, pihak masjid turut merayakan sambutan tahun baru Cina bagi meraikan saudara muslim yang berbangsa Cina. Sambutan ini biasa diadakan di perkarangan masjid dan turut menjemput masyarakat berbangsa Cina yang duduk di sekitar Masjid. Penulis melihat disini pihak masjid ingin memberitahu bahwa agama Islam bukan lah milik bangsa tertentu seperti mana yang pernah dipegang oleh sesetengah masyarakat dahulu yang menyatakan masuk Islam seperti masuk Melayu dan sebagainya.

Kelas Senaman Taichi

Masjid Cina Melaka turut mengadakan kelas senaman taichi bagi mereka yang berminat. Senaman ini berasal dari seni bela diri taichi dan dijadikan sebagai senaman. Menurut En Murad Ahmat, senaman ini diadakan pada setiap hari Sabtu dan disertai oleh pelbagai bangsa khususnya masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Senaman Taichi menerima sambutan yang menggalakan dari masyarakat tempatan.

Aktiviti Sosial Dan Kemasyarakatan

Masjid Cina Melaka turut mengadakan aktiviti-aktiviti sosial yang melibatkan masyarakat tempatan dan masyarakat luar. Terdapat pelbagai program yang diadakan oleh masjid ini. Berikut merupakan aktiviti sosial yang diadakan oleh pihak Masjid Cina Melaka. Antara

program yang dijalankan seperti Program Semarak Kasih Saudara Muslim merupakan program yang mengumpulkan saudara-saudara muslim yang berada di sekitar Melaka. Program ini diurus oleh pengurusan Masjid Cina Melaka. Antara aktiviti yang dijalankan semasa program ini ialah ceramah yang berkaitan dengan saudara muslim dan majlis ramah mesra bersama Ketua Menteri Melaka. Program ini dapat memperkuat aqidah saudara muslim dan merapatkan ukhuwah dikalangan saudara muslim.

Selain dari program semarak kasih, pihak Masjid Cina Melaka turut mengadakan Program Ziarah Kasih pada setiap bulan Masjid Cina Melaka dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Melaka mengadakan program Ziarah Kasih ke Rumah Asnaf. Dalam program ini pihak masjid bersama Ketua Pengarah JAIM akan pergi menziarahi rumah-rumah asnaf untuk memberikan sumbangan serta bantuan kepada mereka. Program ini bertujuan membantu masyarakat yang tidak berkemampuan. Selain itu, program ini meringankan golongan asnaf dan bagi pihak JAIM, dapat mengetahui asnaf yang sebenar yang memerlukan bantuan.

Selain dari itu, pada setiap tahun Masjid Cina Melaka mengadakan Majlis Gotong Royong Perdana melibatkan masyarakat tempatan. Program ini dikelola oleh Sahabat Masjid Cina dengan kerja sama pengurusan masjid cina. Pelaksanaan program ini bertujuan merapatkan ukhuwah antara masyarakat serta memupuk rasa cintakan masjid. Program ini diadakan dua kali setahun

6. Bilangan Masuk Islam Di Masjid Cina Melaka

Berdasarkan dokumen yang diperolehi dari Balai Islam Melaka, dari tahun 2014 sehingga Jun 2016, seramai 489 orang yang telah memeluk Islam. Seramai 207 untuk tahun 2014, 185 untuk tahun 2015 dan seramai 97 orang sehingga Jun 2016. Bilangan yang teramai yang memeluk Islam di Melaka pada tahun 2013 seramai 259 orang dan mengalami penurunan pada tahun tahun yang berikutnya.

Menurut En. Murad bin Ahmat sejak Julai 2014 sehingga Jun 2016 seramai 8 orang yang telah memeluk agama Islam di Masjid ini dan ini merupakan sebilangan kecil berbanding bilangan yang memeluk agama Islam di Melaka. Seramai 489 orang yang telah memeluk Islam sejak Julai 2014 sehingga Jun 2016 di Melaka. Ini merupakan perbezaan yang sedikit jika dibandingkan dengan bilangan sebenar di Melaka. Hanya sekadar 1.6% dari Masjid daripada bilangan yang asal (*Statistic Pemelukan Agama Islam 2014-2016* Balai Islam Melaka). Menurut En Murad, kebanyakan yang masuk Islam di Masjid Cina Melaka ini bukan berasal dari penduduk tempatan dan sekadar memilih Masjid Cina Melaka sebagai tempat untuk mereka melafazkan kalimah syahadah. Berdasarkan pemerhatian dan analisa dokumen didapati pihak Masjid turut mengalami kekangan dan masalah. Ini boleh dilihat pada bilangan pemeluk Islam yang ada.

7. KEKANGAN DAN CABARAN DAKWAH MASJID CINA MELAKA

Hasil data yang diambil dari temu bual dengan Imam Dua Masjid Cina Melaka dan seorang Saudara Muslim menunjukkan bahawa pihak Masjid mempunyai kekangan dalam pelaksanaan dakwah. Masalah ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu masalah dari segi pengurusan dan masalah luaran

Masalah Pengurusan

Berdasarkan perbualan yang telah dianalisa, kajian mendapati terdapat beberapa masalah yang melibatkan bahagian pengurusan antaranya ialah pertama pihak masjid sering menukar pentadbir; kedua pihak masjid tidak dapat membuat keputusan sendiri; dan yang ketiga ialah tiada tenaga pengajar berlainan bahasa.

Sering Menukar Pentadbir

Bermula tahun 2014 sehingga jun 2016, pihak masjid telah menukar tiga orang Imam Satu yang berlainan. Pertukaran pentadbir yang kerap turut menjadi penyumbang kepada masalah dan kekangan kepada perjalanan dakwah Masjid Cina Melaka. Apabila berlaku pertukaran, program yang dirancang akan tergendala dan tidak berlaku kesinambungan dari pentadbir yang lepas. Perkara ini menjadi kesukaran kepada pihak pelaksana dalam melaksanakan tugas dakwah mereka.

Tidak Dapat Membuat Keputusan Sendiri

Menurut Imam dua Masjid Cina Melaka, setiap program dan aktiviti perlulah mendapat persetujuan dari pihak Majlis Agama Islam Melaka dan Jabatan Agama Islam sendiri. Adakalanya keputusan diberi lewat dan menyukarkan dan mengganggu perjalanan program dan menyebabkan program terpaksa ditangguhkan. Perkara menjadi kesukaran kepada pihak pentadbir dalam melaksanakan program dan aktiviti dakwah kepada masyarakat tempatan.

Tiada Tenaga Pengajar Berlainan Bahasa

Berdasarkan temubual bersama en sabarudin bek Abdullah, masalah bahasa turut menjadi faktor kekangan dalam dakwah kepada masyarakat yang pelbagai bangsa. Pihak masjid hanya menyediakan penceramah yang berbahasa cina dan menjadi kesukaran kepada masyarakat yang berbangsa lain untuk mengetahui tentang Islam. Kerana terdapat golongan dalam masyarakat tempatan yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Malaysia. Selain dari itu pengunjung yang mengunjungi Masjid Cina terdiri dari pelbagai bangsa dan Negara. Kesukaran ini menyebabkan dakwah sukar untuk disampaikan. (sesi temu bual pada 15 Ogos 2016)

Masalah Luaran

Masalah luaran juga menjadi faktor kekangan dalam pelaksanaan dakwah Masjid Cina Melaka. antara masalah yang dihadapi oleh pihak masjid ialah yang pertama kurang penglibatan masyarakat tempatan dari kalangan non muslim; kedua kurang kerja sama dengan NGO tempatan dan yang ketiga kedudukan Masjid Cina Melaka yang jauh dari penempatan masyarakat.

Kurang Penglibatan Masyarakat Tempatan

Berdasarkan pemerhatian, penulis mendapati bahawa setiap program yang dilaksanakan kurang mendapat sambutan dan penglibatan dari masyarakat tempatan. Setiap aktiviti hanya dihadiri oleh jemaah yang sama melainkan aktiviti yang dianjurkan bersama organisasi luar. Faktor ini mungkin disebabkan oleh kurang kesedaran dari masyarakat tempatan untuk sama menjayakan aktivi masjid. Bilangan yang kurang turut menambah pandangan negative terhadap organisasi yang berlandaskan Islam. Ini menyukarkan penyebaran dakwah kepada masyarakat tempatan yang bukan muslim.

Kurang Kerjasama Dari Pihak NGO Tempatan

Berdasarkan pemerhatian dan analisa dokumen yang telah diberikan, penulis dapati hanya segelintir NGO yang aktif bersama Masjid Cina Melaka menjayakan program-program yang

berusnsurkan dakwah. Antara NGO yang terlibat adalah MCMA, PERTIM, PERKIM dan Balai Islam Melaka. sokongan yang kuat dapat menambahkan lagi semangat dakwah kepada masyarakat tempatan. Sekiranya lebih ramai pihak yang membantu, perjalanan dakwah akan mudah dan lancar.

Kedudukan Masjid Yang Jauh

Masjid Cina Melaka terletak jauh kedalam dari Lebuh Sungai Udang Paya Rumput Ayer Keroh (SPA). Kedudukan yang jauh menyukarkan jemaah untuk sampai ke Masjid. Kebiasaan jemaah yang ada pada hari bekerja merupakan pekerja MAjlis Sukan Negara dan perbadanan Stadium Melaka serta pekerja kilang yang berhampiran. Kedudukan yang jauh turut menjadi punca kepada masalah penyampaian dakwah kepada masyarakat.

8. Kesimpulan Dan Cadangan

Dapatan kajian mendapati masjid ini amat berperanan serta mempunyai potensi yang sangat besar dalam dakwah terhadap masyarakat non-muslim dan tidak terhenti sekadar pusat ibadah semata. Selain daripada itu, masjid ini perlu mempunyai strategi yang baik bagi mengatasi cabaran dalam dakwah terhadap non-muslim. penambahbaikan dan penyelesaian perlu diberikan agar perjalan dakwah. Memandangkan masjid ini baru dibina, memerlukan masa dalam membina kekuatan dalam perjalanan dakwah kepada masyarakat Non muslim. sehubungan dengan itu, beberapa cadangan penulis kemukakan seperti berikut:

1. Pihak masjid perlu membuat perancangan dan member makluman awal kepada ahli jawatankuasa agar pelaksanaan program dakwah dapat dijalankan pada masa yang ditentukan.
2. Melatih penceramah yang sedia ada berbahasa selain dari bahasa malaysia atau melantik penceramah dan pegawai-pegawai yang mampu bertutur berlainan bahasa.
3. Memperbanyakkan program yang melibatkan semua masyarakat tempatan tidak kira bangsa
4. Mengadakan diskusi terbuka dengan penganut agama lain dan memberi penjelasan tentang Islam dengan lebih mendalam.
5. Mewujudkan pusat dakwah Islam dan pusat maklumat Islam di Masjid Cina Melaka
6. Perbanyakkan kajian tentang keparluan penduduk setempat dalam penyampaian pengetahuan tentang Islam.
7. Perbanyakkan sebaran maklumat kepada masyarakat tempatan dengan menggunakan pelbagai medium
8. Perluaskan golongan sasaran dan tidak tertumpu kepada satu golongan sahaja.

Rujukan

- Dokumen Pengurusan Masjid Cina Melaka 2014-2016
Temubual Bersama En. Murad Bin Ahmat, Imam Dua Masjid Cina Melaka Pada
Temu Bual Bersama En Sabarudin Bek Bin Abdullah, Saudara Muslim Pada 15 Ogos 2016
Muhammad bin ismail al bukhari abu Abdullah, *sahih al bukhari*, cetakan baru, 2002,
Penerbitan Ibnu Kathir, damsyyik syria
Statistik Pemelukan Agama Islam Bagi Negeri Melaka, 2000-2016, Balai Islam Melaka,
Majlis Agama Islam Melaka.
Ab. Aziz Mohd. Zin. 2001. Dakwah Di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
Dr. Abdul Kareem Zaidan. 2009. Dasar-Dasar Ilmu Dakwah. Dewan Pustaka Fajar
Abdul Al Rahman Jirah *Wasail Al Da'wah Al Islamiah*, 2008 Matba'ah Disywan Kaherah
Mesir.
Badlihisam Mohd Nasir ISLAMIYYAT 34 (2012): 5 – 12 Islam Dan Dakwah Dalam
Zaman Kebangkitan Awal Islam Dan Era Penjajahan Barat Di Tanah Melayu Islam And
Dakwah During Early Islamic Resurgence And Western Colonialism In Malaya.
Shahidah Shaharudidin & Wan Anisah Endut, Pengurusan Kewangan Masjid: Tinjauan
Amalan Masjid Mukim Kuala Terengganu Bab 7 m/s 115-126, Pengurusan Isla Dalam
Pelbagai Perspektif, Cetakan Pertama 2015, Penerbit UniSZA.

Rujukan Akhbar

- Nor Syafinaz Syari, Gabungan Seni Masjid Cina, Harian Metro Isnin 27 Mei 2013.
Amran Kulup, Uniknya Masjid Cina Melaka, Muka 17,28 Jun 2014 Utusan Malaysia.